

01/06/2001

## Sikap parti komponen lemahkan Barisan Nasional

KUALA LUMPUR, Khamis - Perjuangan parti komponen yang sempit dengan hanya menumpukan kepada masalah kaum berbanding masalah negara akan melemahkan Barisan Nasional (BN), kata Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat.

Beliau berkata, parti komponen BN terutama di peringkat negeri dan kawasan bukan saja tidak bermesyuarat seperti yang ditetapkan Perlembagaan BN, malah, bergerak secara sendiri dalam meneruskan perjuangan keculi menjelang pilihan raya.

Keadaan itu, katanya, menyebabkan tidak wujud persefahaman antara parti komponen, sekali gus menyukarkan usaha untuk menangani sebarang masalah yang timbul di kalangan rakyat.

"Keadaan ini tidak baik, kerana ia hanya akan melemahkan BN. Persefahaman ini penting, lebih-lebih lagi ketika ini, yang mana rakyat pada peringkat bawah dalam keadaan kelam-kabut, berikutan usaha segelintir pihak memecah-belahkan mereka.

"Jika jentera BN pada peringkat bawah, negeri dan kawasan dapat digiatkan, sudah pasti usaha memecah-belahkan rakyat, usaha menimbulkan keadaan tidak stabil ini, dapat diselesaikan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa parti komponen di kedua-dua peringkat itu bergerak lebih cergas dan meningkatkan persefahaman antara satu sama lain bagi mengekalkan keutuhan BN dan keyakinan rakyat terhadap parti itu.

Bagi tujuan itu, katanya, parti komponen pada peringkat negeri dan kawasan perlu mengadakan pertemuan dan mesyuarat lebih kerap.

Beliau memberitahu pemberita selepas pertemuannya dengan Setiausaha Eksekutif dan Setiausaha BN Negeri di sini, hari ini.

Sementara itu, beliau berkata, Konvensyen Keempat BN akan diadakan 7 Julai depan, dijangka disertai 3,000 orang, membabitkan ahli Dewan Tertinggi parti komponen BN, Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, Dewan Negeri, Dewan Bandaraya, daerah dan jawatankuasa BN di peringkat kawasan Parlimen.

Bertempat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWT), konvensyen yang bertemakan 'BN Tunggak Keutuhan Negara' itu akan mencatat sejarah kerana ini adalah kali pertama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi BN akan menyampaikan amanat kepada semua wakil rakyat dan ahli majlis daerah.

Pada konvensyen itu, katanya, Dr Mahathir juga akan melancarkan buku bertajuk Keadilan Untuk Semua (Justice For All) dan video mengenai BN.

(END)